

Alumni Kelab UMNO Luar Negara kecewa dengan Tun

TANJONG KARANG 30 Okt.-
Pertubuhan Alumni Kelab
UMNO Luar Negara Kecewa
terhadap sikap Tun Dr. Ma-
hathir Mohamad yang terus
mengkritik kerajaan kepim-
pinaan Perdana Menteri, Datuk
Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Pengerusinya, Da-
tuk Noh Omar, kritikan yang
dilemparkan oleh bekas Perda-
na Menteri itu seolah-olah
menggambarkan negara ini ki-
ni tidak lagi mengamalkan de-
mokrasi.

Tun membuat tuduhan Seo-
lah-olah negara kita hari ini tidak
lagi demokratik dan menjadi ne-
gara polis," katanya kepada *Utusan
Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas dakwaan Dr. Ma-
hathir bahawa beliau disekat
daripada bercakap dan mene-
mui ahli UMNO, Noh berkata,
isu itu tidak timbul sekiranya
bekas Perdana Menteri mema-
hami prosedur menjemput pe-
mimpin UMNO untuk sesuatu
perjumpaan parti.

"Jika ada pihak yang mahu
menjemput pemimpin mesti
ada kapasitinya, ini bermakna
kalau mahu bercakap memenu-
hi jemputan di Tanjong Ka-
rang misalnya apa kapasitinya

untuk menjemput Tun?"

"Tidak timbul soal tidak
menjemput Tun itu bermakna
telah disekat oleh pihak polis,
atau sudahtiada demokrasike-
rana tidak mendapat kebeba-
san untuk beliau berucap di
mana-mana.

"Kita menjemput pemimpin
yang sedang memerintah nega-
ra supaya boleh menerangkan
dasar-dasar pemerintahan dan
kerajaan," katanya.

Noh yangjuga Timbalan Men-
teri Pelajaran berkata, misalnya
dalam Majlis Tertinggi (MT)
UMNO, banyak perkara yang
dibincangkan bersama untuk ke-
baikan rakyat dan negara.

"Tun berada di luar mungkin
beliau tidak tahu apa yang MT
bincangkan," katanya.

Noh menarik perhatian sema-
sa Dr. Mahathir masih menjadi
Perdana Menteri, beliau sendiri
sering menasihatkan penuntut
di luar negara supaya bersatu
padu, mematuhi peraturan dan
perundangan negara.

"Jadi kami amat kecewa
nampaknya hari ini semangat
dan nasihat itu sudah bercang-
gah 100 peratus dengan apa
yang Tun sering ungkapkan
pada waktu itu," katanya.